

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha untuk membuka ruang udara negeri Sabah bagi menarik lebih banyak syarikat penerbangan asing beroperasi, bertujuan membangunkan industri pelancongan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan terus dari mana-mana negara ke/dari Sabah dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - (i) rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
 - (ii) memasukkan bandar-bandar di Sabah sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;
 - (iii) memasukkan destinasi-destinasi di Sabah sebagai salah satu daripada destinasi yang diliberalisasikan di bawah kerjasama Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Memorandum of Understanding (MoU) on Expansion of Air Linkages. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara BIMP-EAGA dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi BIMP-EAGA, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan
 - (iv) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke bandar-bandar

utama Sabah oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi Airlines Incentives Programme.

2. Pada masa ini, 11 syarikat-syarikat penerbangan asing seperti China Southern Airlines, Thai AirAsia, Shanghai Airlines, PT. Batik Air Indonesia, PT. Wings Abadi Airlines, Jin Air, Xiamen Airlines, Silkair, Air Seoul Inc, Philippines AirAsia Inc dan Eastar Jet Co. Ltd. menyediakan perkhidmatan penerbangan ke/dari Sabah dengan kekerapan sebanyak 131 kali seminggu.
3. Dalam hubungan ini, sebarang rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sabah adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.
4. Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke Sabah.

Sekian, terima kasih.